**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mail : pkpk@kedah.gov.my

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(60)
Tarikh : 9 Januari 2024
27 Jamadilakhir 1445H

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Seri / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BILANGAN 1 TAHUN 2024**
**PEMBAYARAN BAGI MODUL PENDAHULUAN DAN TUNTUTAN (AC) SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN (iSPEKS)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' Seri / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan, Modul AC di Sistem iSPEKS adalah modul bagi Pembayaran Tuntutan seperti Tuntutan Elaun Perjalanan, Tuntutan Elaun Labih Masa, Tuntutan Elaun Penceramah, Tuntutan pelbagai dan lain-lain lagi. Pembayaran melalui Modul AC hanya boleh dilakukan bagi pegawai yang mempunyai nama dalam fail induk (fail gaji Kerajaan Negeri Kedah).

3. Namun begitu bagi pegawai yang namanya telah dikeluarkan dari fail induk, sama ada sebab berpencen atau lain-lain, pembayaran hendaklah disediakan di **Modul Akaun Belum Bayar (AP)** – Daftar Bil.

4. Walau bagaimanapun selain daripada sebab tersebut, pembayaran tuntutan hendaklah dibuat di **Modul AC** atau mendapat kelulusan daripada Bendahari Negeri terlebih dahulu sekiranya pembayaran terpaksa dibuat di **Modul AP**.

5. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Seri / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YB Dato' / YBhg. Dato' / Tuan / Puan amatlah dihargai.

...2/-

Ruj. Kami : PPNK.BN100 - 1/ 9 /4(60)

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M).,CPA(M))**
Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7027847/7027789
*Email: pkpk_akruan@kedah.gov.my*